

**NO. SOALAN: 376**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**RUJUKAN : 7351**

**SOALAN:**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil bagi membendung jenayah siber yang menjadi penyebab tersebarnya fitnah dan berita palsu di negara kita.**

## **JAWAPAN:**

Kerajaan sedar dan peka kepada *trend* jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini sahaja tapi seluruh dunia memandangkan penggunaan media elektronik telah menjadi budaya masyarakat kini. PDRM telah mengambil langkah proaktif bagi membendung gejala ini dan memastikan rakyat tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber dan laman sosial ini digunakan sewenang-wenangnya untuk menyebarkan fitnah dan berita palsu.

Tindakan yang akan diambil oleh PDRM bagi membendung gejala ini adalah seperti berikut :

- i) Pihak PDRM akan menjalankan siasatan jika berita palsu atau fitnah tersebut boleh dikategorikan sebagai perkara yang menghasut di bawah Akta Hasutan 1948;
- ii) Pihak PDRM telah menubuhkan PCIRC (*Police Cyber Investigation Response Centre*) untuk melakukan pemantauan dan pengawasan internet yang melibatkan laman web/blog/media sosial di internet;

iii) Seandainya keterangan mencukupi kes tersebut akan dirujuk kepada Peguam Negara untuk pertuduhan dan PDRM percaya dengan pertuduhan yang dikenakan ianya akan menjadi faktor penghalang kepada masyarakat supaya tidak menggunakan media sosial untuk melakukan perbuatan menyebar fitnah dan berita palsu.